

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji telah mengemukakan beberapa huraian dan laporan para linguis mengenai pengertian wacana dan analisis kohesi. Laporan tentang kajian-kajian analisis kohesi dalam Bahasa Tamil, kajian-kajian lepas mengenai analisis kohesi dalam Bahasa Melayu dan kajian-kajian lepas berkaitan analisis kohesi dalam Bahasa Inggeris juga telah dikemukakan dalam bab ini.

2.1 PENGERTIAN WACANA DAN ANALISIS KOHESI

Seksyen 2.1 akan mengemukakan teori dan pandangan para linguis mengenai konsep wacana terlebih dahulu.

2.1.1 Pengertian Analisis Wacana

Pengkaji negara-negara barat memberi perhatian dalam penyelidikan analisis wacana khasnya dalam bidang pendidikan. Halliday&Hasan (1976:1) mendefinisikan teks sebagai mana-mana petikan bertulis atau dituturkan, tidak kira panjangnya yang membentuk kesatuan yang menyeluruh. 'Kesatuan yang menyeluruh' ini membezakan teks daripada kumpulan ayat-ayat yang tidak

berkaitan. Pembahagian dan analisis sarana kohesi yang paling komprehensif dikemukakan oleh Halliday & Hasan (1976). Mereka mengkategorikan kohesi kepada kohesi nahuan (grammatical cohesion) dan kohesi leksikal (lexical cohesion). Kohesi nahuan terdiri daripada sarana kohesi seperti rujukan, penggantian, ellipsis dan konjungsi. Kohesi leksikal pula terdiri daripada reiterasi dan kolokasi. Kohesi nahuan membawa perkaitan sintaksis kerana dilihat dari segi teatabahasa. Konsep kohesi telah dipelopori oleh Halliday dan Hasan (1976). Mereka melihat kohesi dalam makna yang lebih luas iaitu dari segi nahuan dan leksikal. Mereka mengaitkan sesuatu item kohesi dengan keseluruhan ayat sebelumnya seperti berikut:

Contoh : They broke a **Chinese vase**.

That was valuable

Contoh : They broke a Chinese Vase.

That was careless

‘That’ dalam contoh pertama merujuk kepada “vase”. Sementara ‘That’ dalam contoh ayat kedua pula merujuk kepada keseluruhan peristiwa ayat pertama atau maksud keseluruhan ayat tersebut. Berdasarkan kerangka teori yang dikemukakan oleh Halliday & Hasan (1976) serta Hoey (1983) maka bermula pada tahun 1980an banyak kajian tentang kohesi dan koheran telah dijalankan di negera-negera barat.

J.S. Badudu (2000), seorang ahli bahasa Indonesia, mendefinisikan wacana sseperti berikut:

Dasar wacana ialah klausa atau kalimat yang menyatakan keutuhan pikiran. Wacana adalah unsur gramatikal tertinggi yang direalisasikan dalam bentuk karangan yang utuh dan

dengan amanat yang lengkap dengan koherensi dan kohesi yang tinggi. Wacana utuh harus dipertimbangkan dari segi isi (informasi) yang koheren sedangkan sifat kohesifnya dipertimbangkan dari keruntutan unsur- unsur pendukungnya yaitu bentuk. (2000:4)

Dengan ini dapatlah dikatakan kohesi adalah satu unsur yang penting dalam menghasilkan sesuatu wacana atau karangan yang utuh. Ini bermaksud wacana dan kohesi adalah satu gabungan yang tidak dapat dipisahkan dalam menghasilkan sesebuah karangan atau teks yang mempunyai semantiknya.

Menurut Asmah Haji Omar (1980) tokoh bahasa yang terkenal di Malaysia,

...wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraiian bab, buku, siri buku atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan di antara butir-butir fikiran dan juga perkembangan akaliah yang ada di dalamnya. (1980:11)

Wacana bahasa ialah kesatuan bahasa yang lengkap dan paling tinggi dalam bentuk pertuturan dan penulisan yang memperlihatkan kesinambungan fikiran di dalamnya dan merujuk kepada komunikasi dalam konteks (Khatijah Abdul Hamid, 1997). Satu lagi perkara yang disedari ialah wacana dianggap sebagai penggunaan bahasa dalam konteks yang membawa makna. Hal ini bermaksud bahawa jika dalam konteks karangan, wacana wujud apabila berlaku interaksi komunikasi antara teks dengan pembaca. Bagi memastikan makna yang dibawa oleh teks sejajar dengan makna yang difahami oleh pembaca, maka pengarang perlulah memaparkan ideanya dengan bertaut dan berpadu (Mohd.Zaini Othman, 2004).

Berdasarkan pada pendapat-pendapat para linguis di atas, dapatlah dikatakan bahawa wacana ialah penggunaan bahasa dalam sesuatu teks yang

mencerminkan pikiran seseorang dan adalah penting untuk menguasai kemahiran kohesi, yaitu menggabungkan fonem, morfem, kata, frasa, klausa dan ayat dengan cekat supaya dapat menghasilkan sesuatu teks yang utuh dan membawa makna. Difahami bahawa wacana yang utuh bergantung kepada penggunaan kohesi yang hadir di dalamnya.

2.1.2 Pengertian Analisis kohesi

Menurut Halliday dan Hasan (1976:1) dalam “*Cohesion in English*” menyatakan bahawa sebuah teks merupakan satu unit bahasa yang digunakan. Ia bukannya satu unit gramatikal seperti klausa atau ayat . Ia merupakan unit semantik yang mempunyai makna.

A text is a unit of language in use. It is not a grammatical unit, like a clause or a sentence; and it is not defined by its size. ... A text is best regarded as a SEMANTIC unit: a unit not a form but of meaning...every text has a texture... (1976:2)

Kohesi merujuk kepada hubungan semantik yang wujud dalam sesebuah teks yang juga mendefinisikannya sebagai sebuah teks (Halliday dan Hasan,1976). Robert Alain de Beaugrande & Wolfgang Ulrich Dressler, (1972). berpendapat bahawa kohesi merupakan salah satu aspek yang penting dalam organisasi sesebuah teks. Dalam ‘Dictionary of Discourse Analysis’ kohesi diberikan definisi seperti berikut:

Cohesion occurs where the interpretation of some elements in the discourse is dependent on that of another. The one presupposes the other, in the sense that it cannot be effectively decoded except by recourse to it. When this happens, a relation of cohesion is set up.... (1999:29)

Theresa Heng et.al. (1997), memberi penjelasan bagi konsep kohesi dengan satu contoh yang tepat dan menarik. Beliau menyatakan kohesi diibaratkan simen yang digunakan untuk mengukuhkan batu-batan yang disusun untuk membina dinding bagi sesuatu bangunan.

Cohesion is equivalent to the way our message hangs or holds together. Imagine you are building a wall. You may pile bricks carefully layer by layer, from the bottom to the top. Unless you cement those bricks together so that they adhere, the wall will not hold together. The cohesive devices we use in writing is the equivalent of the cement we use in putting a wall together...
(1997:16)

Melalui contoh yang diberikan oleh Theresa Heng et.al. (1997) dapatlah dirumuskan bahawa kohesi merupakan sesuatu unsur yang memainkan peranan yang penting dalam membawa makna dalam menghasilkan sesuatu teks atau karangan.

Dalam mengkaji kohesi dalam wacana penulisan oleh penutur jati bahasa Inggeris Hartnett (1980) dan Witte & Faidgley (1981) mendapati bahawa lima karangan baik secara holistik mempunyai kohesi yang lebih banyak berbanding dengan lima karangan yang lemah. Witte & Faigley (1981) menunjukkan bahawa karangan baik mengandungi kohesi leksikal kolokasi yang paling banyak sementara karangan yang lemah mengandungi kohesi leksikal pengulangan. Dapatan ini menunjukkan dua pertiga kohesi yang digunakannya adalah kohesi leksikal .

Hartnett (1980) dalam mengkaji 316 esei yang dihasilkan oleh pelajar kolej di Texas dapat mengenal pasti tautan yang betul penggunaannya, iaitu daripada

158 esei , didapati 715 tautan statik dan 169 tauta dinamik .Sungguhpun kajian beliau membuktikan bahawa tiada korelasi antara mod dengan jenis atau bilangan kohesi yang dihasilkan tetapi kajian Tierney dan Mosenthal (1981) pula menunjukkan mod karangan mempengaruhi penggunaan variasi kohesi dalam setiap karangan. Tetapi hasil kajian mereka menunjukkan tiada kaitan antara tautan kohesi dan tingkat koheren. Fitzgerald dan Spiegel (1986) juga menjalankan kajian yang berkaitan dengan kohesi dan koheren untuk melihat hubungan antara kohesi dan koheren berubah atau tidak mengikut kandungan cerita. Kajian mereka juga menunjukkan tiada perubahan antara kohesi dan koheren mengikut kualiti penulisan dan gred.

Ini disokong oleh pendapat Hasan (1979) iaitu, "*cohesion and coherence are related, but cohesive texts are not necessarily coherent or vise versa.*" Melalui kajian-kajian yang dijalankan, Hartnett (1980) telah membentangkan sebuah kertas kerja yang berjudul, "*cohesion and mental process in writing competence*". Dalam kertas ini beliau menghipotesiskan bahawa pelajar-pelajar boleh membaiki kemahiran menulis mereka dan penggunaan tautan kohesi dengan mempelajari proses mental, makna, mekanis dan tujuan tetorik tautan kohesi. Pengujian hipotesis dijalankan dengan analisis kohesi dan penilaian holistik terhadap karangan jenis pujukan dan pendedahan yang dihasilkan oleh 79 pelajar kolej. Keputusan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara ujian pra dan pos. Perbezaan kohesi tidak berkaitan dengan mod tugas.

Keputusan Hartnett (1980) ini berbeza dengan dapatan kajian Crowhurst (1977), yang juga melihat sama ada terdapat perbezaan kohesi antara gred dan mod karangan. Mengikut Crowhurst (1977) perbezaan antara mod karangan tidak wujud sedangkan Hartnett (1980) menyatakan terdapat perbezaan kohesi antara gred dan mod karangan. Mod yang dipilih ialah penghujahan dan naratif. Sampel pelajarnya terdiri daripada pelajar-pelajar gred 6,10 dan 12. Sarana kohesi yang paling biasa digunakan adalah pengulangan item-item leksikal, kata ganti nama, kata ganti nama tunjuk dan kata sandang pasti yang merupakan 79.2% daripada semua kohesi yang digunakan. Penggunaan sarana kohesi ellipsis dan konjungsi amat kurang dan jarang wujud dalam semua peringkat. Pada keseluruhannya, terdapat perbezaan mod berdasarkan sarana kohesi bagi kata ganti nama, kata ganti nama tunjuk dan kata sandang pasti, kata penghubung masa, kolokasi leksikal dan eksofora. Karangan naratif menunjukkan lebih banyak penggunaan kohesi berbanding dengan karangan jenis penghujahan.

Menurut Shanmugam, C. (2002), kohesi atau pertautan dimaksudkan sebagai pertalian yang megikatkan satu bahagian dengan satu bahagian sehingga teks itu terbentuk satu kesatuan yang jitu. Definisi yang dipetik dari Hoey (1993), oleh Hidayatul Astar (1998) pula menerangkan kohesi itu sebagai kaitan semantik antara satuan ujaran dengan ujaran yang lainnya pada teks. Di samping itu, Gutwinsky (1976) pula menjelaskan bahawa kohesi adalah hubungan antara ayat dengan ayat dalam sesebuah wacana, sama ada dalam strata grammatikal ataupun strata leksikal.

Smith (1985) di petik dari Tan Kan Hui (1985), pula berpendapat,

Cohesion contributes to the creating of text by providing texture. It provides the continuity that exists between one part of the text and another, enabling the reader or the listener to make out all the missing components of the picture which are important and necessary to the interpretation of the text .(1985:31)

Kohesi adalah penting dalam teks lisan dan teks bertulis. Namun begitu, kohesi dalam teks bertulis adalah lebih penting jika dibandingkan dengan lisan. Ini adalah kerana penulisan adalah untuk audien atau pembaca yang akan datang yang tidak dikenali, biasanya dalam situasi di luar jangkauan (Looi Lin Eng, 1998). Sarana-sarana kohesi (*cohesive devices*) merupakan petunjuk tersurat atau penanda wacana dalam wacana bertulis. Ianya dapat memastikan wujud pertautan antara satu idea dengan idea yang lain dalam sesuatu teks penulisan. Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (2000), penulisan haruslah mempunyai ciri-ciri dalaman seperti kesatuan yang merujuk kepada ketepatan seluruh isi yang dikemukakan dan pertautan yang membawa makna terdapat kesinambungan yang logik di antara satu unsur dengan unsur yang lain. Setiap ayat yang bertulis dalam sebuah perenggan itu haruslah juga berfokus kepada suatu perkara (idea, topik atau tema) yang berkaitan dan tepat dengan tajuk karangan.

Melalui pendapat-pendapat para linguist di atas, dapatlah dikatakan bahawa karangan yang baik adalah teks linguistik yang mempunyai kohesi dan koheren. Halliday dan Hasan (1976), menyatakan bahawa sarana-sarana

kohesi mengikatkan bahagian-bahagian teks dengan cara yang spesifik sehingga menjadikan teks itu kohesif. Kohesif di sini membawa makna terdapat penggunaan sarana kohesif yang betul dan boleh diterima dalam sesuatu teks atau karangan. Connor.U. (1984) menjelaskan bahawa analisis kohesi sangat berpotensi dan memainkan peranan yang paling penting untuk menggambarkan kesepaduan makna dan keutuhan yang terkandung dalam sesebuah karangan.

Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa kohesi sangat perlu dalam membawa makna dalam sesebuah karangan dan seseorang yang menulis teks atau karangan haruslah cekap dalam menggunakannya untuk menghasilkan sebuah teks atau karangan yang utuh.

2.2 KAJIAN KOHESI DI LUAR NEGARA DAN DI MALAYSIA

2.2.1 Kajian Kohesi Dalam Bahasa Inggeris

Banyak kajian mula meneliti kohesi dan koheren dalam Bahasa Inggeris dalam bidang pendidikan setelah terbitnya buku, '*Cohesion In English*' oleh Halliday dan Hasan (1976). Kajian Goon Catherine (1987) yang menganalisis kohesi dalam Bahasa Inggeris pelajar-pelajar tingkatan lima merupakan kajian kohesi yang pertama di Malaysia. Dalam kajiannya, beliau telah membuat perbandingan antara karangan yang Berjaya (gred A & B) dengan karangan yang tidak berjaya (gred D & E) dan karangan sekumpulan pelajar di tempat yang berlainan. Analisis kohesi dalam karangan dijalankan berdasarkan pada

model Halliday dan Hasan (1976). Dapatan kajian menunjukkan adanya perbezaan yang signifikan antara penggunaan kohesi dalam karangan yang berjaya dan karangan yang tidak berjaya. Pelajar yang menghasilkan karangan baik menggunakan variasi sarana kohesi jika dibandingkan dengan pelajar yang lemah.

Lieber (1980) seorang pakar linguistik telah mengkaji kohesi dalam esei pelajar-pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sebuah kolej. Kajian ini bercorak deskriptif dan bertujuan mengesan dan menjelaskan struktur-struktur kohesi yang digunakan oleh pelajar-pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua untuk menghubungkan unit-unit wacana fungsional dalam esei pendedahan mereka. Selain daripada itu, kajian ini juga menganalisis kesilapan dalam menggunakan sarana kohesi oleh pelajar-pelajar ini. Dapatan kajian menunjukkan kohesi kategori ellipsis memainkan peranan yang lebih besar dan kedua besar adalah kohesi rujukan. Kesilapan penggunaan kohesi leksikal adalah kurang. Pada umumnya pelajar membuat kesilapan yang paling banyak dalam kohesi kategori rujukan diikuti dengan kohesi kategori konjungsi. Lieber (1980) telah menggunakan unit F iaitu *functional unit of discourse* untuk menentukan segmen wacana sebelum menganalisis kohesi dalam set karangan.

Banyak kajian tentang kohesi dan koheren dari perspektif pendidikan telah dijalankan di negara-negara barat. Robert Alain de Beaugrande & Wolfgang Ulrich Dressler, (1972) melihat kohesi ini sebagai salah satu daripada tujuh faktor ketekstualan. Bagi mereka kohesi atau tautan merupakan cara

bagaimana komponen teks luaran di hubungkan bersama dalam satu urutan. Kedua-dua tokoh ini membahagikan kohesi mengikut teori linguistik, iaitu perulangan, bentuk ganti, ellipsis, kata dan aspek, penghubung perspektif tugas ayat dan intonasi. Walaupun pembahagian ini berbeza dari segi pengkategorian namun merangkumi aspek yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976).

Hartnett (1980) melalui kajiannya membuktikan bahawa tiada korelasi antara mod dengan jenis atau bilangan kohesi yang dihasilkan. Dapatan ini sama dengan dapatan Hasan (1979) iaitu, "*cohesion and coherence are related, but cohesive texts are not necessarily coherent or vice versa.*" Melalui kajian-kajian yang dijalankan, Hartnett telah membentangkan sebuah kertas kerja yang berjudul, "*cohesion and mental process in writing competence*". Dalam kertas ini beliau menghipotesiskan bahawa pelajar-pelajar boleh memperbaiki kemahiran menulis mereka dan penggunaan tautan kohesi dengan mempelajari proses mental, makna, mekanis dan tujuan tetorik tautan kohesi.

Linderberg (1985), menjalankan satu kajian ke atas karangan Bahasa Inggeris yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar kolej yang berbangsa Swedish. Dapatan kajian ini juga membuktikan karangan yang baik didapati padat dengan kohesi. Beliau mendakwa bahawa penggunaan kohesi hiponimi dalam karangan menjadikannya lebih baik daripada kohesi pengulangan dan ellipsis.

Witte & Faidgley (1981) telah mengkaji kohesi dalam wacana penulisan oleh penutur jati bahasa Inggeris dan mendapati bahawa lima karangan baik secara

holistik mempunyai kohesi yang lebih banyak berbanding dengan lima karangan yang lemah. Witte & Faigley (1981) menunjukkan bahawa karangan baik mengandungi kohesi leksikal kolokasi yang paling banyak sementara karangan yang lemah mengandungi kohesi leksikal pengulangan. Dapatan ini menunjukkan majoriti kohesi yang di gunakan adalah kohesi leksikal. Mereka berpendapat penulis yang lemah gemar mengulang konsep atau perkataan. Kohesi kolokasi leksikal merupakan kohesi yang paling baik untuk menunjukkan kualiti penulisan. Mereka juga mendapati bahawa analisis kohesi boleh membezakan tahap perkembangan penulisan dan boleh menerangkan perbezaan di antara penulisan yang baik dan penulisan yang lemah.

Schneider (1985) meneliti sarana kohesi dalam karangan yang dihasilkan oleh penutur jati Bahasa Inggeris. Karangan-karangan ini diperiksa kesalahan peringkat ayat (mekanik dan tatabahasa) dan kohesi secara berasingan. Karangan yang dapat markah lulus memperlihatkan kebanyakan kohesi digunakan dalam ayat. (*within sentence*) Manakala, karangan yang dapat markah gagal menunjukkan kohesi digunakan antara ayat. Bagaimanapun dalam kedua-dua jenis karangan lulus dan gagal kelihatan kohesi reiterasi dan rujukan pronominal digunakan lebih kurang 50 % daripada keseluruhan kohesi.

Selain itu, kajian eksperimen Bahasa Inggeris oleh P.Yde *et.al* (1990), juga menunjukkan kohesi yang paling popular dalam kalangan murid-murid Portugis adalah kohesi leksikal. Murid-murid tersebut menggunakan kohesi

leksikal untuk mewujudkan tautan dalam ayat dalam karangan mod naratif. Renouf (1998), menyatakan bahawa kohesi leksikal kolokasi dalam diskriptif Bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting dalam menjelaskan maklumat yang ingin disampaikan dalam teks.

Selanjutnya, Dilin Liu (2000) dalam mengkaji kelemahan pelajar ESOL menegaskan bahawa kohesi leksikal adalah penting dalam penulisan karangan. Kekurangan kohesi ini menyebabkan karangan yang dihasilkan oleh pelajarnya tidak utuh. Beliau juga melahirkan perasaan kecewanya terhadap guru-guru yang sentiasa memberi penekanan kepada kohesi konjungsi sahaja. Ini merupakan pandangan yang seakan-akan sama dengan Michael Hoey (1983) yang mengatakan bahawa perkaitan semantik bahasa Inggeris lebih kepada kohesi leksikal. Beliau menganalisis kohesi daripada sudut perkaitan klausa dengan mengemukakan dua jenis kohesi pengulangan, iaitu pengulangan mudah dan pengulangan kompleks. Mengikut beliau kedua-dua ini sebagai alat kohesi yang mengisyaratkan padanan bentuk.

Daripada kajian dan pandangan para ahli linguistik yang tersebut di atas, dapatlah dirumuskan bahawa karangan yang utuh dan terbaik adalah karangan yang mempunyai sarana kohesi yang tepat. Juga terbukti bahawa kohesi menyumbangkan kepada penulisan karangan yang baik dari segi pengolahan isi dan memberi maklumat yang rapi dan bermakna.

2.2.2 Kajian Kohesi Dalam Bahasa Melayu

Banyak kajian tentang kohesi telah wujud di Malaysia sejak kebelakangan tahun 1960an. Azman Atan (1986) telah menghasilkan latihan ilmiah dalam bahasa Melayu yang berjudul ‘Pautan dalam Wacana’ yang mengkaji ‘pautan’ (kohesi) antara klausa dan intra klausa dalam sebuah cerpen bahasa Melayu. Wong Fook Khoo (1996), pula mengkaji perbandingan antara sarana kohesi yang terdapat dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Ia merupakan disertasi Ph.D yang membandingkan sarana kohesi yang wujud dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Dalam bidang pendidikan bahasa Melayu pula kajian mengenai kohesi telah wujud sejak tahun 1990an. Dalam tahun 1993, Mohd Isa Othman telah melakukan satu kajian tentang penanda wacana yang merupakan kohesi nahuan atau konjungsi yang digunakan untuk menggabungkan ayat. Beliau melihat kepentingan penanda wacana atau alat kata penghubung dalam pembinaan ayat serta sejauh mana keberkesanan penggunaan penanda ini di dalam penggabungan ayat dalam karangan murid tahun enam. Kajian ini membuktikan bahawa kejayaan penguasaan ketepatan penggunaan penanda wacana akan mempengaruhi kualiti penulisan pelajar-pelajar, iaitu bertambah baik dan bermutu. Kajian Mohammad Azam Ahmad (2000) menegaskan kepentingan pendedahan kohesi dan koheren dalam pengajaran penulisan karangan. Kajian kes ini melakukan penelitian ke atas kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan dengan menggunakan kriteria-kriteria seperti tautan, kepaduan makna, topik pembicaraan, idea terpenting

dan penulisan berdasarkan proposisi adalah penting akan membimbing para pelajar menghasilkan karangan yang bertautan dan mempunyai kepaduan makna.

Menurut Abdul Jalil Othman (1997), kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji bahasa menunjukkan bahawa masih banyak pelajar pada peringkat sekolah menengah rendah tidak berkeupayaan untuk menghasilkan karangan yang memberangsangkan, iaitu karangan yang dihasilkan lemah dalam menyusun idea melalui jalinan perkataan yang dipilih. Idea dan maklumat yang disampaikan melalui karangan agak longgar dan tidak mempunyai pertautan antara satu sama lain. Beliau berpendapat jika perkara ini berlarutan, ianya akan menyebabkan kegagalan para pelajar dalam peperiksaan kerana kemahiran menulis merupakan komponen utama yang menentukan tahap pencapaian pelajar itu sendiri. Beliau mengkaji analisis kohesi dalam karangan pelajar tingkatan satu dengan menggunakan model Halliday dan Hasan (1976). Kajian ini terbentuk eksperimen untuk melihat sejauh mana keberkesanan teknik menggabungkan ayat terhadap pertautan dalam karangan mod ekspositori. Beliau mendakwa bahawa teknik menggabungkan ayat merupakan teknik yang seharusnya digunakan dan dimanfaatkan oleh guru dalam pengajaran penulisan karangan kerana teknik ini dapat membekalkan cara penghasilan ayat yang kukuh dari segi pertautan makna.

Khatijah Abdul Hamid (1997) merupakan perintis dalam meneliti analisis kohesi dan koheren dalam pendidikan bahasa Melayu. Beliau mengkaji aspek

kohesi dan koheren dalam karangan bahasa Melayu murid-murid tingkatan empat. Melalui kajian ini, beliau mengemukakan beberapa penemuan yang benar-benar memanfaatkan dunia pendidikan bahasa Melayu terutama dalam pengajaran pembelajaran kemahiran menulis karangan. Walaupun, kajian yang dilakukan oleh Khatijah Abdul Hamid (1997) menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai sikap dan minat tinggi terhadap kemahiran menulis tidak memperlihatkan prestasi yang baik dalam penghasilan kohesi, namun faktor-faktor lain seperti gender, kumpulan etnik, kumpulan kelas menunjukkan adanya kaitan rapat dengan penghasilan kohesi dalam karangan mereka. Ini menunjukkan bahawa selain daripada penguasaan kemahiran bahasa dan penggunaan kohesi, faktor-faktor seperti gender dan kumpulan etnik juga mempengaruhi penghasilan karangan yang baik.

Satu lagi kajian telah dijalankan di peringkat sekolah rendah oleh Looi Lin Eng, pada tahun 1998. Kajian Looi Lin Eng (1998) ini pula dijalankan dalam kalangan murid tahun lima terhadap pencapaian kohesi dalam karangan naratif mereka. Menurutnya, pengajaran kohesi nahuan dan kohesi leksikal amat penting dalam menghasilkan ayat dalam sesuatu karangan. Beliau menjalankan kajian ini berdasarkan model kohesi Halliday dan Hasan (1976). Hasil kajian ini membuktikan adanya perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penghasilan kohesi di antara beberapa kumpulan. Pelajar dari kumpulan rawatan mendapat pencapaian yang tinggi dalam penggunaan kohesi dan terdapat penggunaan pelbagai variasi sarana kohesi dalam karangan mereka. Beliau juga dapati bahawa penggunaan pelbagai variasi sarana kohesi secara tepat dengan idea menjadikan karangan itu kohesif.

Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa pengajaran kohesi dan koheren perlu diajarkan secara sedar, contohnya teknik menggabungkan ayat mengikut tajuk tertentu dengan penggunaan sarana kohesi yang relevan untuk memantapkan kemahiran menulis karangan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Satu lagi kajian yang dikendalikan oleh Abdul Rashid Ahmad (1996) melibatkan juga aspek kohesi (kohesi nahan konjugsi sahaja) dan koheren. Beliau melihat penggunaan kedua-dua unsur tadi dalam penulisan karangan. Kajian ini juga menyatakan bahawa pelajar gagal menghasilkan karangan yang mempunyai kesepaduan makna dan pertautan ayat kerana pelajar belum lagi menguasai sepenuhnya kemahiran mengarang.

2.2.3 Kohesi Dalam Bahasa Tamil

Penegasan terhadap kohesi dalam wacana bahasa Tamil telah lama wujud sejak zaman tolka:ppiyar, iaitu pada abad satu masehi lagi. Tetapi kajian tentang teori atau ulasan mengenai analisis wacana dalam bidang bahasa Tamil hanya menjadi tumpuan para pengkaji pada zaman kini. Ini adalah kerana perkembangan bidang linguistik moden yang menekankan pelbagai unsur bahasa.

Shanmugam, C. (2002) ahli linguistik dari India, merupakan perintis kepada ulasan mengenai wacana dalam Bahasa Tamil. Bukunya berjudul “*Karutta:tal*” yang membawa maksud wacana atau *discourse* dihasilkan pada tahun 2002. Beliau juga pernah menulis beberapa artikel mengenai bidang ini dalam jurnal-jurnal akademik. Shanmugam, C. (2002), menerapkan kaedah

wacana yang dikemukakan oleh Sinclair J.M. (1975), Harris.Z (1952), McCarthy, M. (1991) dan Halliday dan Hasan (1976) untuk menjelaskan dengan lebih terperinci tentang konsep-konsep yang terdapat dalam analisis wacana dengan memberi contoh-contoh dalam bahasa Tamil. Beliau telah menggunakan model kepada Halliday dan Hasan (1976), untuk mengkategorikan sarana-sarana kohesi dalam bahasa Tamil kepada lima jenis iaitu:

- a. *col tirumpa to:nrutal* (kohesi leksikal)
□□□□ □□□□□□□□□□ □□□□□□□□□□
- b. *alaku cuttutal* (rujukan) –
□□□□ □□□□□□□□□□
 - *Munno:kkum alaku cuttutal* (Anafora)
□□□□□□□□□□□□ □□□□ □□□□□□□□□□
 - *pinno:kkum alaku cuttutal* (Katafora)
□□□□□□□□□□ □□□□ □□□□□□□□□□
 - *uraikku purampa:navaikalai cuttutal* (Eksofora)
□□□□□□□□□□ □□□□□□□□□□ □□□□□□□□□□
□□□□□□□□□□
- c. *alaku pukututal* (penggantian)
□□□□ □□□□□□□□□□□□
- d. *alaku inaittal* (konjungsi)
□□□□ □□□□□□□□□□
- e. *alaku ni:kkutal* (Ellipsis)
□□□□ □□□□□□□□□□
 - *munpura alaku ni:kkutal* (Elipsis anafora)
□□□□□□□□ □□□□ □□□□□□□□□□
 - *pinpura alaku ni:kkutal* (Elipsis Katafora)
□□□□□□□□ □□□□ □□□□□□□□□□

Menurut Shanmugam, C. (2002), bentuk sesuatu wacana bergantung kepada pemunculan ayat, frasa, klausa dan kohesi dalam wacana tersebut. Kewujudan pelbagai ayat, frasa, klausa dan kohesi ini menyebabkan wacana terbentuk. Pautan dan kesepaduan ini dinamakan kohesi. Bagi mempertahankan

penggabungjalinan ini ‘*cohesive devices*’ (sarana-sarana kohesi) digunakan. Kesemuanya wujud dalam wacana berdasarkan kepada peraturan tatabahasa dalam sesuatu bahasa tersebut.

Contoh yang dikemukakan beliau bagi menghuraikan fungsi kohesi ialah:

na:n ne:rru Maturaiku po:ne:n.

(Semalam saya pergi ke Madurai)

Maturaiyil en nanpanai pa:rte:n

(Saya menemui kawan saya di Madurai)

Ayat kedua merupakan kesinambungan ayat pertama. Maka jika sarana kohesi *rujukan* digunakan bagi menggabungkan ayat –ayat tersebut maka satu ayat yang standard.

Contoh:

na:n ne:rru Maturaiku po:ne:n. anku en nanpanai pa:rthe:n

(Semalam saya pergi ke Madurai. Di situ saya menemui kawan saya)

Perkataan *anku* merupakan sarana kohesi yang wujud untuk menggabungkan kedu-dua ayat. Sarana – sarana kohesi seperti inilah yang dikemukakan oleh C.Shanmugam (2002) dalam bukunya.

Menurut beliau lagi, dalam wacana bahasa Tamil koheisi wujud berdasarkan beberapa teknik atau cara kemasukan jenis-jenis atau sarana-sarana koheisi seperti rujukan, penggantian, konjungsi dan ellipsis.

Menurut ahli linguis Karunakaran, K., dan Supramani, S. (2009), bentuk wacana yang sempurna merupakan wacana yang terbentuk hasil daripada penggabungjalinan ayat, frasa dan klausa yang membawa maksud atau semantik dan mempunyai struktur atau peraturan-peraturan tatabahasa yang terkandung dalam wacana tersebut. Menurut mereka lagi, wacana yang mempunyai penggabungjalinan ayat, frasa dan klausa akan dapat mencerminkan maksud yang jelas dan sempurna. Sarana-sarana koheisi (*cohesive devices*) menjadi penyebab kepada penggabungjalinan ini. Contoh-contoh sarana-sarana koheisi bahasa Tamil yang dikemukakan oleh mereka ialah seperti berikut:

1. inaipu sorkal (kata sendi) - a:na:l (tetapi), atana:l (oleh itu), a:kave:, a:kaiya:l, appati enra:l (kalau begitu), ata:vatu (iaitu) me:lum, illaiyenra:l (kalau tidak), ato:tu (tambahlagi), atumattumillai(bukan itu sahaja) dan lain-lain lagi.
2. patilikal (penggantian) – avar (dia), avan (dia), atu (itu), itu (ini), avarkal(mereka), ivarkal (mereka), ni: (kamu), ni:nkal (kamu semua), na:nkal (kami), na:m (kita), anta(yang itu), inta (yang ini), avai, ivai, anku (di situ), inku (di sini) dan sebagainya.
3. Struktur tatabahasa – frasa, kata nama sifat dan sebagainya.

Jika ditinjau pendapat mereka tentang kohesi dapatlah dikatakan bahawa Karunakaran, K. dan Supramani, S., (2009) mempunyai konsep yang sama seperti yang dikemukakan oleh Shanmugam, C. (2002). Istilah-istilah yang dikemukakan oleh mereka untuk menamakan sarana-sarana kohesi adalah sama seperti yang diistilahkan oleh Shanmugam, C. (2002).

Menurut Mahideli Krishnan (2006), karangan gred baik memperlihatkan penggunaan pelbagai jenis kohesi nahuan dan kohesi leksikal dalam mod wacana ekspositori dan naratif . Karangan gred baik memperlihatkan bahawa sarana kohesi yang digunakannya adalah tepat dan sesuai mengikut keperluan wacana yang dihasilkan. Beliau menambah lagi bahawa karangan gred baik menunjukkan pencapaian kohesi yang tinggi dan penggunaan kohesi yang bervariasi.

Menurut Kumaran Krishnan (2006) kategori leksikal mempunyai peratusan ikatan kohesi yang tinggi, iaitu 63.5%, diikuti oleh kohesi rujukan 16.9%, konjungsi 11.1%, penggantian 5.6% dan ellipsis 2.3%. Ini menunjukkan satu corak penggunaan alat kohesi yang umum dalam esei ekspositori pelajar tingkatan lima program bahasa Tamil. Alat kohesi leksikal ellipsis amat kurang digunakan.

Kumaran Krishnan (2006) dalam kajiannya melaporkan karangan pelajar sekolah menengah yang menulis karangan ekpositori menggunakan lebih banyak ikatan rujukan berbanding konjungsi. Beliau tambah lagi, daripada analisa korelasi, dapat ditemui bahawa terdapat hubungan signifikan diantara

bilangan ikatan kohesi yang digunakan dalam kualiti penulisan. Hubungan signifikan dikesan di antara esei gred tinggi dan esei gred rendah dalam kekerapan penggunaan ikatan kohesi. Hasil dapatannya juga memaparkan bahawa bilangan ikatan sahaja tidak boleh menjadi satu ukuran bagi menentukan kualiti esei. Kumaran juga dalam kajiannya, menemui bahawa kohesi ellipsis dan penggantian amat kurang digunakan dan ini menunjukkan bahawa ikatan ellipsis dan penggantian merupakan dua komponen lemah dan memerlukan lebih perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya, pelajar tingkatan 5. Selain itu para pelajar, terutamanya pelajar lemah juga memaparkan masalah tertentu dalam penggunaan ikatan ellipsis dan penggantian yang jelas, eksplisit dan konsisten. Hasil kajian beliau juga menunjukkan lebih banyak masalah wujud dalam bahagian konjungsi.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa perhatian yang serius harus diberi kepada pelajar sekolah menengah khususnya pelajar menengah rendah sebagai persediaan menghasilkan satu karangan yang terbaik dalam menghadapi PMR dan SPM.

Artikel yang dihasilkan oleh Deivasundaram,N. (1989) menerangkan konsep wacana, kohesi dan koheren secara umum. Berikut merupakan istilah-istilah yang yang digunakan oleh beliau untuk wacana, analisis wacana, kohesi dan koheran.

Wacana - *'karutta:tal'*

Analisis wacana - *'karuttatal a:ivu'*

Kohesi - *'totar inaivu'*

Sarana kohesi - ‘*totar inaivu ca:tanankal*’

Koheren - ‘*karuttinaivu*’

Para pengkaji bahasa Tamil mula memberi perhatian terhadap analisis wacana. Namun kajian-kajian yang meneliti kohesi dan koheren dalam wacana diberi perhatian yang amat kurang sekali. Setakat ini cuma satu kajian yang memperlihatkan kohesi antara ayat dalam bahasa iklan yang digunakan dalam media cetak. Tetapi ia hanya merupakan sebahagian daripada kajian yang meneliti aspek kohesi. Kajian tersebut dikendalikan oleh Sandhya Nayak (2002). Beliau memberi tumpuan utama kepada penggunaan bahasa dari segi sintaksis. Walau bagaimanapun, beliau merupakan perintis yang menyenaraikan sarana kohesi yang terdapat dalam bahasa iklan. Daripada kajian ini, dapat dilihat beberapa sarana kohesi yang kerap digunakan dalam wacana iklan, iaitu:

- a) Pronouns (Pronomina)
- b) Sentence connectors (Konjungsi) seperti,

a:na:l (but), e:nenra:l (because), a:kave: / a:kaiya:l (therefore), appadi enra:l (if it is so), ata:vatu (that is), me:lum, (further), illai enra:l (otherwise), atto:tu (besides that) atana:l (that is why), atuvum (that too) dan atu mattumillai (not only that).

Kajian – kajian terhadap kohesi dalam bahasa Tamil di atas adalah berdasarkan pada bidang kesusasteraan, media dan pendidikan. Kajian

terhadap kohesi dalam bahasa Tamil dalam bidang pendidikan di Malaysia telah wujud sejak kebelakangan ini. Pengkaji-pengkaji seperti Karunakaran, K. dan Supramani, S. (2009) dan Shanmugam, C. (2002), memperkenalkan istilah-istilah kohesi dan sarana kohesi dalam bahasa Tamil. Mereka juga mengemukakan kehadiran kohesi dan kepentingannya dalam sesuatu wacana. Pengkaji – pengkaji Malaysia seperti Kumaran Krishnan dan Mahideli Krishnan telah mengkaji kehadiran kohesi dalam wacana bahasa Tamil. Kebanyakan kajian pendidikan bahasa Tamil menganalisis kesalahan dalam karangan seperti kajian Manar Mannan (1995), Kunasegaran (1996), dan terdapat juga kajian yang mengkaji tentang pengajaran Bahasa Tamil oleh Vengadammal (1999) serta kajian menganalisis sintaksis oleh Ramiah, K. (1987).

2.3 KOHESI NAHUAN MENURUT KERANGKA KONSEP HALLIDAY DAN HASAN (1976)

Bagi tujuan kajian ini kerangka konsep pengkategorian kohesi yang disarankan oleh Halliday dan Hassan (1976) dihalusi dalam usaha untuk mengadaptasikannya dengan sistem tatabahasa bahasa Tamil supaya dapat menganalisis sarana dan jenis-jenis kohesi yang terdapat dalam karangan pelajar.

Penggunaan kohesi nahuan adalah sangat penting dalam menghasilkan sesuatu teks yang utuh. Ia berfungsi untuk menghubungkan item linguistik gramatikal dengan item linguistik gramatikal yang lain sama ada di dalam ayat, antara ayat atau antara perenggan. Kohesi nahuan ini terdiri daripada kohesi Nahuan

Rujukan (KNR), Kohesi Nahuan Konjungsi (KNK), Kohesi Nahuan Penggantian (KNP), Kohesi Nahuan Elipsis (KNE).

2.3.1 Kohesi Nahuan Rujukan (KNR)

Peranan kohesi nahuan rujukan adalah untuk menghubungkan ayat-ayat dalam sesuatu perenggan. Dalam bahasa Tamil kohesi rujukan dibahagikan kepada tiga jenis iaitu:

- i. Kohesi nahuan rujukan ganti nama personal
(Dalam bahasa Tamil – ‘*tannilai*’ , ‘*munnilai*’ dan ‘*patarkkai*’)
- ii. Kohesi nahuan rujukan ganti nama demonstratif
(Dalam bahasa Tamil – ‘*chuttup peyarkal*’ contohnya: ‘*itu*’ , ‘*ivai*’, ‘*atu*’, ‘*avai*’, ‘*inku*’, ‘*anku*’ dan sebagainya.)
- iii. Kohesi nahuan rujukan ganti nama komparatif
(Dalam bahasa Tamil – ‘*ataivita*’, ‘*me:lum*’, ‘*atupola*’ dan sebagainya.)

2.3.1.1 Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Personal

Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Personal merujuk kepada seseorang, sesuatu cara atau benda yang dinyatakan dalam ayat. Dalam Bahasa Tamil terdapat ganti nama tunggal dan jamak. Kedua-duanya terbahagi kepada tiga kategori, iaitu ganti nama diri pertama, ‘*tannilai*’ (penutur), ganti nama diri kedua, ‘*munnilai*’ (yang ditutur) dan ganti nama diri ketiga, ‘*padarkkai*’ .

Contoh :

Ganti nama diri pertama : *na:n* , *en* , *na:m* , *na:nkal*

Ganti nama diri kedua : *ni* , *ni:nkal* , *un* , *unkal*

Ganti nama diri ketiga : *avan* , *aval* , *avar* , *avarkal* , *atu*

2.3.1.2 Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Demonstratif

Kohesi nahuan rujukan gantinama demonstratif merupakan kohesi yang berfungsi pada subjek dan objek dalam sesuatu ayat. Kohesi nahuan rujukan gantinama demonstratif yang dimaksudkan di atas ialah seperti berikut :

Terdapat juga *definite article* 'the', 'an', 'a' dalam Bahasa Tamil seperti yang terdapat dalam bahasa Inggeris. Iaitu, *anta* (far , the), *inta* (near , the) , *o:r* (an) , *oru* (a) .

Contoh : |Á;Ãç°çÂŠ ¾£Áçø þó¾çÂ÷,û ÀÄ÷ - ûÇÉ÷. Æ:ø þíðò ¾Áçú
§À°ðÀ¼Áçø"Ä. «ó¾ ç;ððò ¾ÁçÆ÷,û ¾Áç"Æ 'Õ Óì,çÂ |Á;ÆçÂ;ì
¾Ö¾Áçø"Ä.

Transkripsi :

[mauritiuſ ti:vil intiyarkal palar ullana: a:na:l inku tamil]

pe:cappatavillai. anta na:ttu tamilarkal tamilai oru mukkiya moliya:ka karutuvatillai.]

Terjemahan :

Terdapat ramai orang Tamil di Mauritius Tetapi bahasa Tamil tidak dituturkan **di sini**. Orang Tamil **di situ** tidak menganggap bahasa Tamil sebagai **suatu** bahasa yang penting.

2.3.1.3 Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Komparatif.

Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Komparatif juga terdapat dalam bahasa Tamil. Fungsinya adalah sama seperti fungsi dalam bahasa Inggeris seperti 'same', 'so', 'better', 'more', 'than' digunakan. Dalam Bahasa Tamil rujukan komparatif adalah seperti *atupo:la* (same as, so that) *atai vita* (than, that), *ve:ru* (else) dan lain-lain lagi. Penggunaan kata ganti nama dalam rujukan komparatif adalah seperti berikut:

Contoh :

À¸ø -¼ÖiÌ □□□□ □¼Õõ. -Éiø, °ðÐûÇ -½× □□□□□ □□□□ □□
□□□□□□□□□□ □□□□□.

Transkripsi :

[pa:l utalukku nanmai tarum. **a:na:l** , sattulla unavu **ataivita ve:ru** pala nanmaikal tarum.]

Terjemahan :

Susu memberi kebaikan kepada tubuh badan. **Tetapi** makanan berkhasiat membawa **lebih banyak** kebaikan **lain**.

Perkataan *ataivida* dan *ve:ru* dalam ayat tersebut memperlihatkan dua keadaan yang berbeza kerana wujudnya unsur yang menambah keterangan kepada keadaan lain.

a) Rujukan Anafora dan katafora dalam kohesi Nahu
Rujukan

Rujukan Anafora dan katafora dalam kohesi Nahu Rujukan juga terdapat dalam bahasa Tamil. Anafora ialah kata atau frasa yang mengaitkan maklumat baru dengan maklumat yang pernah disebut, iaitu praseden (*to preceding text*) manakala katafora merupakan kata atau frasa yang mengaitkan maklumat lama dengan maklumat yang bakal disebut, iaitu pascaseden (*to following text*).

Penggunaan rujukan anafora dan rujukan katafora dalam ayat, diterangkan melalui ayat-ayat di bawah ini.

Rujukan Anafora :

Contoh 1:

Á:1/2Á÷ û -°çÃçÂ`Ã «Á÷ «`ÈÂçø °ó¼çð¾É÷.

«ì «Á÷ û ¾í, Ùì §ÁñÊÂ Òð¾, í, `Çð !ÀüÙì !ñ¾É÷.

Transkripsi :

[**ma:navarkal** a:siriyarai avar araiyil santitanar. **anku**

avarkal tankalukku ve:ntiya putakankalai **petrukkontanar.**]

Terjemahan :

Para pelajar berjumpa dengan guru di biliknya.

Mereka telah memperolehi buku yang diperlukan di situ.

Rujukan Katafora :

Contoh 2:

«ó¾ ÿ;û Ó¾ø «Åû «ó¾ô Àì,õ ðøÅ¾øø"Ä. Å£ðÊø Â;Õõ «Å"Çì
,ñÌ,;ûÄÐÁøø"Ä.

Transkripsi:

[**anta** na:l mutal **aval anta** pakkam selvatillai. vi:ttil ya:rum avalai

kantukolvatum illai.]

Terjemahan :

Sejak hari itu dia tidak ke tempat itu. Tidak ada seorang pun yang mempedulikannya.

Secara kesimpulannya bolehlah dikatakan rujukan anafora menghubungkan anafora dengan unsur yang telah disebut dan rujukan katafora menghubungkan dengan unsur yang bakal disebut.

2.3.2 Kohesi Nahuan Konjungsi (KNK)

Kohesi nahuan konjungsi (KNK) adalah bersifat kohesif secara tidak langsung. Ia adalah sejenis tautan yang tidak terikat dalam mana-mana kata atau frasa dalam ayat-ayat terdahulu namun ia memberikan perkaitan makna dan idea secara tautan nahuan. Kohesi Nahuan Konjungsi berperanan menghubungkan dua bahagian ayat yang berlainan.

Kohesi nahan konjungsi (KNK) adalah kata penghubung yang merupakan unsur tata bahasa dalam bahasa Tamil. Ianya disebut sebagai “*itaicorkal*”. Terdapat banyak kata penghubung dalam Bahasa Tamil. Namun, kajian ini hanya menumpukan pada jenis-jenis konjungsi seperti konjungsi aditif, konjungsi adversatif, konjungsi kausal dan konjungsi temporal iaitu jenis-jenis konjungsi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976) .

2.3.2.1 Konjungsi Aditif

Peranan Konjungsi Aditif adalah menambahkan maklumat kepada perkara yang diketengahkan melalui kordinasi. *Um* (dan), *Innum* (lagi) , *me:lum* (tambahan pula) adalah merupakan contoh-contoh konjungsi Aditif dalam bahasa Tamil. Ketiga-tiga konjungsi ini adalah morfem terikat di mana ia tidak dapat berdiri sendiri dalam sesuatu frasa atau ayat . Dalam bahasa Tamil morfem-morfem terikat ini hadir dalam kata nama dan juga kata kerja.

Contoh :

«*Amilthan* *um* *pugaleinthyum* *um* *puppantu vilayattu payirchikku* *um* *senranar.*»

Transkripsi :

[*amil**tan**um* *pukaleintiyum* *puppantu vilayattu payirchikku* *um* *senranar.*]

Terjemahan :

Amilthan **dan** Pugaleinthy telah ke latihan badminton.

Dalam contoh di atas, dapat lihat bahawa ‘*um*’ dipautkan pada akhir setiap kata nama untuk membawa maksud ‘dan’ dalam rentetan ayat yang mempunyai lebih daripada satu konstituen kata nama dalam subjek atau objek. Kata Aditif ‘*um*’ juga wujud dalam rentetan ayat bahasa Tamil yang mengandungi lebih daripada satu konstituen kata kerja dalam frasa kerja. Ini dijelaskan dalam contoh berikut:

Contoh :

«*ÁÁ ¼ÁÁ ÁÁÀ÷, Çô À÷-ðDõ §À°¢Ôõ Á,¢úó¼ÁÁ.*

Transkripsi:

[*anban tan nanparkalai pa:rtum pe:ciyum makilntan.*]

Terjemahan :

Anban berasa gembira melihat **dan** bermesra dengan kawan-kawannya.

2.3.2.2 Konjungsi Adversatif

Dalam bahasa Tamil penggunaan kohesi *a:na:l* (tetapi), *ma:ra:ka* (sebaliknya) *irunta:lum* (namun) dan sebagainya memberi hubungan yang berlawanan dalam wacana.

Contoh :

ḥi;ÚiÏò ¼ŔÉç -¼ÖiÏ ±ó¾ ḥy´ÁÔõ Åç¨ÇÅçðÀ¾çø¨Ä. Á;Ëi
ḥÏ¾¨Ä§Å Åç¨ÇÅçì,çyÈÐ.

Transkripsi :

[norukku ti:ni utalukku enta nanmaiyaikum
vilaivippatillai. **ma:ra:ka** ketutalaiye: vilaivikkinratu.]

Terjemahan :

Makanan ringan tidak membawa sebarang kebaikan kepada badan sebaliknya memudaratkan kesihatan .

2.3.2.3. Konjungsi Kausal

Makna hubungan sebab dan akibat antara ayat dikenali sebagai konjungsi kausal. Konjungsi ini dikaitkan dengan perkataan-perkataan seperti a:tala:l (oleh yang demikian) enave: (maka) , atana:l (oleh itu), a:kaiya:l, dan lain-lain lagi.

Contoh :

±ÆçÄy §;üÚò À;ûÇçìÏ ìøÄÄçø¨Ä. ±É§Å, «ÄÉ;ø
À;¼i,¨Çî ìöÅ þÄÄçø¨Ä.

Transkripsi :

Item-item yang terlibat dalam proses penggantian dipanggil sebagai Kohesi Nantuan penggantian. Penggantian ini merupakan penanda hubungan antara ayat-ayat . Haliday dan Hasan (1976) membahagikan sarana kohesi nantuan penggantian ini kepada tiga jenis penggantian. Iaitu,

- i) Penggantian Nominal
- ii) Penggantian Verbal
- iii) Penggantian Klausal

2.3.3.1 Penggantian nominal

Kata nama yang digantikan dengan kata nama yang lain disebut sebagai penggantian nominal. Dalam bahasa Tamil penggantian nominal ialah *avarri^l onru*, (salah satu), *atil onru* (antara itu), *ivvirant^um* (kedua-duanya)

Contoh :

«ÈçÅçÅø, ½ç¾õ **bùÅçÃñÎõ** Óì,çÅ À;¼í,Ç; , ÅçÇÎ,çýÈÉ.

Transkripsi :

[ariviyal, kanitam **ivvirant^um** mukkiya pa:tankala:ka vilankukin^{ra}na.]

Terjemahan :

Sains dan Matematik kedua-duanya merupakan subjek yang penting

2.3.3.2. Penggantian verbal

Kata kerja yang digantikan dengan item tertentu dalam sesuatu ayat dikatakan penggantian verbal. Kata-kata seperti *appati* (begitu), *ivva:ru ceivata:l* (berbuat demikian) adalah penggantian verbal dalam bahasa Tamil.

Contoh :

பஃசு» ÷ ÁÉ¾çø ¾ýÉõÀçì¨, - ÕÅî,ôÀ¼ §ÅñÎõ.

புÀ;Ú !°öÀ¾;ø. «À÷,û ¾í,û Å;úÅçø !ÀüÈçô !ÀÚÀ÷ ±ýÀÐ - Ú¾ç.

Transkripsi :

[ilainar manatil tannampikkai uruva:kkapada ve:ntum.

ivva:ru ceyvata:l avarkal tankal va:lvil vetri

peruvar enpatu uruti.]

Terjemahan :

Sikap keyakinan patut ditanam jiwa remaja. **Jika berbuat demikian** mereka pasti akan berjaya dalam hidup mereka.

2.3.3.3 Penggantian Klausal

Penggantian klausa ialah penggantian yang berlaku apabila perkataan-perkataan seperti *appatita:n* (memang begitu), *llai* (tidak) digantikan dalam klausa.

Contoh :

A : *ni naalai celva:ya: ?*

B : ***illai** enru to:nrukiratu.*

Transkripsi :

A: [ni: naalai celva:ya: ?]

B: [**illai** enru to:nrukiratu.]

Terjemahan :

A: Esok kamu akan pergi kah?

B: Saya rasa **tidak**.

2.3.4 Kohesi Nahuan Elipsis (KNE)

Elipsis ialah pertalian yang wujud antara teks. Kohesi Nahuan Elipsis ialah pengguguran tautan nahuan. Terdapat tiga jenis elipsis iaitu pengguguran nominal, pengguguran elipsis verbal dan pengguguran elipsis klausal. Ianya ditandai dengan simbol. Sesuatu item yang dimaksudkan dapat dikesan daripada ayat-ayat sebelumnya. Penggunaan elipsis dalam teks akan mengelakkan pernyataan yang berlebihan.

2.3.4.1 Pengguguran Nominal

Pengguguran Nominal berlaku dalam kata atau frasa nama dalam sesuatu ayat.

Contoh 1 :

§Áü!;ñî, À;¼ø,û §ÅñÎÁ;É;ø ÿ£í,û °üÚ!À;Úð¾øÕì, §Åñîõ. **byÛõ**
ø"¼ì,Åøø"Ä.

Transkripsi:

[**me:rkontu**, pa:talkal ve:ntuma:na:l ni:nkal
sarru portirukka ve:ntum. **innum** kitaikavillai.]

Terjemahan :

Jika hendak lagi lagu-lagu , anda terpaksa menunggu sebentar kerana
belum dapat lagi.

Ayat di atas menunjukkan pengguguran item *me:rkontu* yang terdapat dalam
ayat pertama telah digugurkan dalam ayat kedua. Namun pembaca akan
faham ayat kedua walaupun tidak ada perkataan *me:rkontu* sebab wujudnya
perkaitan leksikal antara ayat pertama dan kedua dengan adanya konjungsi
aditif '*innum*' (lagi) yang menghubungkannya.

Contoh 2 :

Á;½Ä÷,éì□□ °eüÚñÊ ²üÀ;Î
!°öÂôÀðÎûÇÐ. !Àü§È;÷,éì pø"Ä.

Transkripsi:

[ma:navarkalukku **cirrunti** e:rpa:tu ceiyapattulatu. petrorkalukku illai.]

Terjemahan :

Makanan disediakan untuk pelajar tetapi tidak untuk ibubapa.

Ayat pertama mempunyai kata nama ‘*cirrunti*’ dan ‘*e:rpa:tu ceiyapattulatu*’ tetapi ayat kedua tidak mempunyai perkataan – perkataan ini. Pengguguran kata-kata tersebut telah berlaku dalam ayat-ayat tersebut.

2.3.4.2 Pengguguran Verbal

Pengguguran verbal berlaku apabila keseluruhan atau sebahagian frasa kerja digugurkan dalam sesuatu ayat. Frasa kerja digugurkan dalam ayat supaya ianya menggambarkan kepadatan dan kecekapan bahasa dalam ayat tersebut.

Contoh :

±ÉiÌ ¿yÈ;î Ái ò ¼ÃçÔõ. -É;ø, «ÀÛiò ¼Ãç□□□□.

Transkripsi :

[Enakku nanraka **camaika** teriyum a:na:l avalukku teriya:tu.]

Terjemahan :

Saya pandai **memasak** tetapi dia tidak .

Ayat pertama mempunyai kata kerja ‘*memasak*’ tetapi walaupun ayat kedua tidak mempunyai kata kerja tersebut maksud yang ingin diuraikan itu boleh difahami. Ini menunjukkan kecekapan bahasa penulis.

2.3.4.3 Pengguguran Klausa

Pengguguran klausa berlaku antara klausa dalam sesuatu ayat. Elipsis klausa ini biasanya terdapat dalam bentuk soal jawab.

Contoh :

A : *Siapa yang panggil saya?*

B : *Tidak tahu.*

Transkripsi :

A : [ya:r ennai a₁aitatu?]

B : [teriya:tu.]

Terjemahan :

A: Siapa yang panggil saya?

B: Tidak tahu.

Dalam wacana di atas, klausa ‘*Ya:r alaitatu enru*’ yang sepatutnya wujud juga dalam ayat kedua tetapi telah mengalami keguguran. Namun demikian, maksud ingin disampaikan jelas kelihatan .

Daripada penerangan di atas dapat dirumuskan bahawa kerangka konsep Halliday dan Hasan (1976) dapat digunakan untuk mengkaji kohesi nahuan dalam karangan bahasa Tamil.

2.4 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEMAHIRAN MENULIS

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kemahiran menulis karangan oleh pelajar. Hasil kajian yang dikemukakan oleh para pengkaji menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti kosa kata, penguasaan bahasa , sikap, minat, perbezaan gender dan status sosio ekonomi pelajar juga mempengaruhi kualiti karangan seseorang pelajar.

McCarthy (1994) melalui kajian melaporkan bahawa terdapat hubungan yang positif secara signifikan di antara kualiti karangan dan status sosio ekonomi pelajar. Pelajar-pelajar daripada status sosio ekonomi tinggi telah menghasilkan karangan-karangan yang lebih baik kualitinya, khususnya daripada aspek sintaksis dan kosa kata. (Dirujuk oleh Abdul Aziz Abdul Talib, 1990)

Rallison (1939), menggunakan skala parameter “*Vernon Measurement of Abilities*” untuk mengukur hubungan di antara faktor sikap dan minat pelajar

dan pencapaian akademik mereka. Dapatannya menunjukkan dengan jelas wujudnya korelasi yang tinggi secara positif antara kedua-duanya. Mengikut Paul L. Gardner (1989) seperti dirujuk oleh Vasanta (2005), minat memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain daripada beliau, Schultz dan Raymond E. (1959), juga telah mengendalikan satu kajian untuk melihat pertalian antara sikap dan minat dengan pencapaian akademik. Kajian beliau juga membuktikan wujudnya kaitan rapat dengan sikap dan minat dengan pencapaian akademik pelajar. Gage (1973), seperti (di rujuk oleh Mohamad Asri, 2000) juga membuktikan bahawa sikap dan minat pelajar terhadap mata pelajaran (sejarah) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan mata pelajaran tersebut.

Kajian-kajian, Juriah Long (1975) dan Adnan Kamis (1980) turut membuktikan bahawa sikap pelajar berkait rapat dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian mereka dalam subjek Bahasa Melayu serta subjek-subjek lain.

Walaupun, kajian yang dilakukan oleh Kathijah Abdul Hamid (1997) menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai sikap dan minat tinggi terhadap kemahiran menulis tidak memperlihatkan prestasi yang baik dalam penghasilan kohesi, namun faktor-faktor lain seperti gender, kumpulan etnik, kumpulan kelas menunjukkan adanya kaitan rapat dengan penghasilan kohesi dalam karangan mereka.

Selain daripada faktor-faktor di atas kemahiran membaca juga mempengaruhi penulisan karangan pelajar. Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan kelancaran, sebutan dan intonasi yang betul. Penyelidikan yang dijalankan setakat ini menunjukkan pencapaian dalam bidang-bidang pendidikan yang lain. Madihah (1992) menjelaskan bahawa kajian-kajian yang berkaitan dengan bacaan menunjukkan secara nyata kesan-kesan negatif akibat daripada kelemahan membaca seperti pencapaian rendah, kurang minat belajar dan rendah keyakinan diri.

Madihah (1992) juga mencatat bahawa kemahiran membaca adalah kebolehan untuk mengenal dan membunyikan huruf, membatang suku kata serta memahami apa yang dibaca. Mereka juga menyifatkan bahawa proses membaca sebagai satu proses mendapat interpretasi yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis. Seseorang itu akan dapat memahami apa yang dibacanya apabila berlaku interaksi antara pengamatannya ke atas lambang lambang yang dibacanya, kebolehan berbahasa dan pengetahuan tentang alam sekelilannya. Pandangan ini dikuatkuasakan lagi oleh Gibson (1966) dengan menyatakan bahawa membaca adalah proses komunikasi dan mendapat makna daripada lambang-lambang yang bercetak.

Marohaini (1987) menyimpulkan bahawa proses membaca dirumuskan seperti berikut :

- i. Perlakuan membaca merupakan sebuah perlakuan yang susah untuk

diperhatikan. Oleh sebab itu proses membaca menimbulkan pelbagai teori. Namun begitu dua kemahiran utama dipersetujui berlaku dalam proses membaca iaitu kemahiran mengenal atau mengecam perkataan dan kemahiran memahami apa yang dibaca.

- ii. Proses membaca memerlukan seseorang itu berfikir, merasai dan membayangkan isi-isi, maklumat dan mesej yang disampaikan oleh penulis. Tujuan membaca ialah untuk berintraksi dengan apa yang dibaca dan mewujudkan hubungan dengan penulis.
- iii. Dalam proses membaca, terdapat beberapa jenis susunan tuags yang perlu dilakukan oleh pembaca.

Susunan tugas tersebut adalah :

- a. Mengecam atau mengenal lambang-lambang atau perkataan-perkataan yang dilihat.
- b. Mengaitkan lambang-lambang atau perkataan dengan makna.
- c. Menterjemahkan makna perkataan-perkataan itu dengan mengaitkannya kepada apa yang telah sedia ada dalam kepala.

Bloomfield (1961) dan Fries (1963) menyatakan bahawa kemahiran asas membaca perlu diperkukuhkan sebelum pengajaran membaca ayat dijalankan.

Kemahiran asas berkenaan seperti berikut:

- i. menamakan huruf abjad dan membunyikannya
- ii. membunyikan suku kata
- iii. membunyikan suku kata dalam perkataan
- iv. mengulungkan suku kata dalam perkataan

Membaca dengan kadar yang betul atau kefasihan adalah keupayaan untuk membaca sebuah teks dengan tepat dan cepat. Jadi Menurut Panel Bacaan

Rakyat (2000), kefasihan adalah keupayaan untuk teks yang dibaca dengan kelajuan, ketepatan dan air muka sesuai. Pembaca-pembaca fasih:

- ❖ Mengiktiraf kata-kata secara automatik
- ❖ Bacakan mudah dan dengan air muka
- ❖ Jangan perlu menumpukan perhatian penyahkodan
- ❖ Boleh menumpukan pada kefahaman

Mengikut (Reading Links, 2002, petang.9) “ Kefasihan adalah penting kerana ia menyediakan sebuah jambatan di antara akuan janji dan kefahaman.”

Kefasihan tidak memastikan kefahaman, tetapi kefahaman adalah sukar tanpa kefasihan. Jika seorang pembaca adalah berterusan menghentikan untuk mengekod dan menggambarkan tidak dikenali kata-kata, makna berkemungkinan yang kebanyakan akan diganggu dan proses membaca menjadi panjang dan bersusah-payah.

2.4 KESIMPULAN

Menurut Abdul Jalil Othman (1997), kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji bahasa menunjukkan bahawa masih banyak pelajar pada peringkat sekolah menengah rendah tidak berkeupayaan untuk menghasilkan karangan yang memberangsangkan. Menurut beliau lagi, karangan yang dihasilkan oleh pelajar adalah lemah dari segi penyusunan idea melalui jalinan perkataan yang dipilih. Idea dan maklumat yang disampaikan melalui

karangan agak longgar dan tidak mempunyai pertautan antara satu sama lain. Beliau berpendapat jika perkara ini berlarutan, ianya akan menyebabkan kegagalan para pelajar dalam peperiksaan kerana kemahiran menulis merupakan komponen utama yang menentukan tahap pencapaian pelajar itu sendiri.

Khatijah Abdul Hamid (1997) pula menjelaskan bahawa para guru perlu menekankan kedua-dua aspek, iaitu mekanis atau teknikal dan kemahiran menyusun idea atau isi memfokuskan proses intelektual. Berdasarkan pada kajian-kajian yang telah dijalankan, pengkaji dapati kohesi merupakan elemen yang penting dalam mempertingkatkan kemahiran mengarang. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil dan perlu ditingkatkan dalam proses pembelajaran.

Dengan ini pengkaji telah membuat keputusan untuk mengkaji penggunaan sarana kohesi dalam karangan bahasa Tamil pelajar tingkatan tiga. Pengkaji juga ingin mendedahkan kelemahan pelajar-pelajar tersebut dalam menggunakan sarana-sarana kohesi dalam karangan mereka memandangkan penulisan memperuntukkan 60% markah dalam kertas bahasa Tamil PMR. Pengkaji membuat penganalisan kohesi dari segi kohesi nahuan dan kohesi leksikal dalam karangan bahasa Tamil pelajar tingkatan tiga berdasarkan Kerangka Konsep Halliday dan Hasan (1976).